

**Izwan dan Norhamima dianugerah Pegawai Kadet Terbaik Palapes**

Pro-Canselor UPM Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyampaikan hadiah berbentuk plak dan sijil penghargaan kepada Kadet Terbaik Keseluruhan PALAPES Darat dan Laut.

**SEPANG, 28 Jun** - Pelajar Bachelor Sains Pertanian, Mohd Izwan Awang dianugerah Lettenan Muda Keseluruhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Majlis Santapan Malam Rejimental di Hotel Pan Pacific di sini.

"Latihan yang diberikan bukan sahaja berteraskan teori sebaliknya latihan praktikal dalam beberapa modul," katanya yang menyifatkan faktor utama beliau mengikuti latihan PALAPES selama tiga tahun lalu bagi memantapkan modal insan.

Sementara itu, pelajar Bachelor Sains Perhutanan, Lettenan Muda Norhamima Hashim pula dikira sebagai Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UPM (Laut).

"Saya berjaya membuktikan wanita juga mampu menjadi pelatih terbaik setanding lelaki", katanya yang pernah mendapat Anugerah Naib Canselor 2009 dan Anugerah Akademik Pengetua dari tahun 2006 hingga 2009.

Pro-Canselor UPM Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyampaikan hadiah berbentuk plak dan sijil penghargaan kepada Kadet Terbaik Keseluruhan PALAPES Darat dan Laut dalam majlis yang turut dihadiri oleh Pro Canselor UPM Tan Sri Rozali Ismail dan Pengurus Lembaga Pengaruh UPM, Tan Sri Syed Jalaluddin Syed Salim.



Majlis tersebut telah meraikkan semua Pegawai Muda yang telah berjaya menjalani latihan ketenteraan selama tiga tahun di PALAPES serta melancarkan Majalah Gempur Edisi ke-17 sesi 2008/2009 dan laman web PALAPES .

Majlis Santapan Malam Rejimental merupakan majlis tahunan bagi PALAPES UPM sempena Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet Palapes UPM Ambilan Ke-28 (Darat) dan Ambilan Ketiga (Laut) yang diadakan pada 20 Jun 2009 di Universiti Teknologi Malaysia.

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat**